

# MANUSIA TERHUTANG BUDI KEPADA NABI MUHAMMAD S. 'A.W<sup>1</sup>

Oleh:

Sayyid Abū al-Ḥasan 'Alī Al-Nadwī (1917-1999)<sup>2</sup>

(Alihbahasa dan Edit oleh: Mohd Fakhruddin Abdul Mukti)

## Abstract

*This article is a translation of al-Nadwī's treatise deals with the contribution of the Prophet, peace be upon him, to the world globally. His divine messages propose the ideas of universal peace, freedom and safety that humankind need all the time. Many prominent Western scholars and historians seem to have appreciated this kind of contribution of Islam to the world.*

Di beberapa buah negara, masyarakatnya berpeluang menikmati kebebasan berfikir dan memilih serta hidup dalam keadaan aman dan sejahtera. Justeru mereka dapat menyumbangkan tenaga serta dapat memajukan sektor pendidikan, bebas untuk beribadat dan menyelidik, seterusnya mendedahkan penemuan-penemuan terbaru yang mereka perolehi. Meskipun di negara-negara tersebut terdapat kebebasan yang boleh dibanggakan - kita harap dapat menyaksikan kewujudan suasana-suasana persahabatan, keadaan yang lebih selesa dan lebih bertamadun - tetapi suasana bertoleransi dalam ertikata yang sebenar masih gagal untuk hidup dengan subur. Perlakuan-perlakuan yang tidak bertamadun masih dibiarkan berlaku. Bahkan tidak menampakkan ada kecenderungan yang hebat untuk menghayati kehidupan bersama di kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan dan golongan. Walau bagaimanapun mereka cuba menunjukkan sikap terbuka, khususnya dalam melayani berbagai-bagai pandangan yang berbeza-beza.

---

<sup>1</sup> Buku ini diterbitkan oleh Oxford Centre For Islamic Studies, London, 1989, 1992.

<sup>2</sup> Seorang tokoh terkenal penulis dan 'ulama' terkemuka, lahir di India. Kematiannya telah dianggap satu kerugian kepada dunia Islam seluruhnya. Beliau juga merupakan seorang tokoh yang sangat dihormati umum termasuk pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh politik di India sendiri.

Manusia nampaknya sudah beberapa kali menempah kemusnahan diri sendiri melalui beberapa bentuk salah laku secara berperingkat-peringkat demi kepentingan penghidupan mereka. Individu kadang-kadang berkelakuan tidak senonoh bagaikan binatang gila dan ganas (*craze and ferocious beasts*), meremuk-redamkan seluruh kaedah budaya dan tamadun, seni dan beradab mulia (*decency*) serta etika moral dan undang-undang sivil.

Semua kita tahu bahawa penulisan sejarah hanya boleh berlaku secara relatif sedangkan era sejarah telah pun bermula semenjak begitu lama. Keruntuhan manusia ketika mereka dikorbankan menjadi hamba sahaya pasti merupakan subjek yang menjadi tugas para sejarawan dan penulis membahaskannya. Walau bagaimanapun kita dapati cerita-cerita kejatuhan empayar-empayar dan kemusnahan masyarakat manusia telah dikesampingkan dalam catitan-catitan sejarah. Sejarah pertama bermula semenjak kurun ke-5 sebelum Masehi lagi. Berikut adalah petikan kata-kata daripada beberapa orang tokoh yang terkenal.

Hegwells, tokoh sejarawan terkenal, menulis tentang keruntuhan Empayar Byzantin dan Sasanid:

Sains dan falsafah politik tidak langsung mendapat tempat dalam empayar yang sering berperang dan runtuh ini. Ahli-ahli Falsafah Athen terakhir, sehinggalah pengganti mereka, telah memelihara dan menyimpan teks-teks sastera agung terdahulu dengan penuh penghormatan dan kemahuan untuk memahaminya. Tetapi malangnya sehingga kini dunia masih belum ada tokoh yang hebat dan individu yang berani dan berasa bebas dan berminat untuk tampil mendukung kesinambungan tradisi kenyataan berterus-terang dan mengadakan penyelidikan terhadap tulisan-tulisan yang ditinggalkan itu. Krisis sosial dan politik yang berlalu adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh ketidakwujudan golongan cendekiawan sedemikian rupa sementara terdapat sebab-sebab lain juga kenapa intelek manusia menjadi mentah dan naif dalam sepanjang zaman penindasan. Kedua-dua Empayar itu adalah empayar agama dalam bentuk baru, yang begitu memusuhi dan cuba membataskan kebebasan hanya kepada aktiviti-aktiviti pemikiran manusia.<sup>3</sup>

Penulis yang sama - selepas mengisahkan kezaliman Sasanid terhadap Byzantin dan kemenangan sejarah Byzantin - turut mengulas tentang keruntuhan sosial dan moral yang menjadi penyebab kepada kejatuhan kedua-dua bangsa yang agung itu.

---

<sup>3</sup> H.G. Wells, *A Short History of The Grand*, (London: 1924), hlm. 140.

Sejarah keunggulan Nabi menyelamatkan dunia pada kurun ke-7 barangkali memberi kesimpulan yang cukup rasional bahawa ia satu persoalan tentang beberapa kaum sebelum berlakunya penaklukan Mongol ke atas Eropah dan Asia. Sedang di sana tidak ada sebarang tanda-tanda wujudnya satu sistem atau kesatuan di Eropah Barat ketika kedua-dua Empayar Rom dan Parsi mula dilanda ribut kehancuran. India juga berpecah dan dipersia-siakan.<sup>4</sup>

Penulis, Robert Briffault juga memberi pandangan yang sama:

Daripada kurun ke-5 hingga ke-10, Eropah dicengkam kegelapan barbarism atau keganasan yang kian meningkat dan bertambah. Barbarism ini adalah lebih dahsyat dan ngeri dari apa yang pernah berlaku pada zaman perhambaan primitif. Bentuk-bentuk dan kekaguman terhadap tamadun itu memang jelas dan dirasa tetapi semuanya - di mana kemajuannya itu sudah berada di kemuncak, contohnya apa yang telah dinikmati di Itali dan Gaal - dilanda keruntuhan dan kehancuran.<sup>5</sup>

Tamadun yang dihasilkan agama-agama kuno sedang dilanda porak peranda. J.H. Denison di dalam bukunya *Emotions of Civilisation* (Emosi-emosi Tamadun) menulis:

Dalam kurun ke-5 dan ke-6, dunia yang maju dan bertamadun (*civilised world*) berada di ambang porak-peranda (*chaos*). Pembudayaan emosi terdahulu telah berjaya membentuk tamadun, bila mana ia menanamkan semangat perpaduan dan kepatuhan kepada pemerintah. Apabila emosi ini mula terhakis dan pupus dan tidak ada sesuatu yang lain mampu menggantikannya (emosi berkenaan) sebagai alternatif yang berkesan, maka berlakulah keruntuhan.

Dengan itu jelas memperlihatkan bahawa tamadun agung yang sudah melalui proses pembinaan selama 4 ribu tahun boleh terpelanting ke lembah kehancuran dan ini menampakkan manusia semacam kembali semula ke zaman barbarisme, zaman keganasan, zaman di mana setiap etnik dan kumpulan sentiasa berperang menentang pihak-pihak lain sementara undang-undang dan peraturan-peraturan sudah terpinggir... segala sekatan-sekatan tradisi etnik sudah hilang taringnya.

Sekatan-sekatan terkini yang cuba dikemukakan oleh agama Kristian sebenarnya lebih banyak mengundang perpecahan dan kehancuran bukan sama sekali perpaduan dan kedamaian. Era kelihatan penuh dengan aksi-aksi tragis. Tamadun sebenarnya

---

<sup>4</sup> *Ibid*, hlm. 144

<sup>5</sup> Robert Briffault, *The Making of Humanity* (London: 1919) hlm. 164.

bagaikan sebatang pokok raksasa yang daun-daunnya merimbun melebari ke seluruh penjuru dunia sementara ranting-rantingnya pula menawarkan buah-buah emas yang terdiri daripada seni, sains dan sastera. Buah-buah segar yang ranum..... yang mudah dikupas dan senang dipecah-pecah.<sup>6</sup>

Di tengah-tengah suasana manusia dan tamadun mereka sedang bergoyang-goyang dipukul ombak kehancuran, Tuhan dan Pencipta alam telah mentakdirkan seorang insan dilahirkan di bumi Arab. Dia diberikan tanggungjawab yang cukup berat dan mencabar bukan sahaja untuk menyelamatkan manusia dari genggaman kehancuran tetapi demi untuk meninggikan martabat mereka menggayuti satu peringkat yang luarbiasa mengatasi skop pengetahuan para sejarawan dan di luar imiginasi para ahli syair. Jika tidak wujud bukti sejarah yang kukuh untuk menzahirkan pencapaian-pencapaiannya maka semestinya agak sukar untuk mempercayai kehebatan pencapaiannya itu. Si lelaki ini ialah Muhammad s. 'a.w yang dilahirkan pada kurun ke-6 Masehi. Bagindalah yang telah bangun menyelamatkan manusia daripada ancaman-ancaman berbahaya dan kehancuran dengan menawarkan kehidupan dan harapan baru kepada mereka serta semangat yang bersih dan kental. Satu suntikan semangat baru demi mengembalikan kemuliaan insan, keluhuran intelek, dan kecemerlangan idea.

Justeru, kedatangan Baginda s. 'a.w menjelmakan satu zaman baru yang menyuntik nilai-nilai rohani ke dalam seni dan sastera, menganjurkan keikhlasan peribadi dan berkhidmat untuk orang ramai ramai tanpa kepentingan diri dan tanpa kepura-puraan. Suntikan-suntikan baru inilah sebenarnya yang telah menampilkan satu bentuk budaya yang berhemat, baik dan dihormati. Hadiah paling bernilai Baginda kepada masyarakat manusia ialah pengorbanan demi kebenaran dan menolak kebatilan, membenci tuhan-tuhan palsu, bersabar dan bersungguh-sungguh menegakkan keadilan dan bermoral serta bersedia mengenyepikan kepentingan diri demi mencapai matlamat-matlamat murni sedemikian rupa. Semestinyalah matlamat-matlamat tersebut merupakan insentif dan dasar kepada seluruh pergerakan *Tajdīd* dan *Islāh* (*Renewal and Reformation*). Setinggi mana kedudukan dicapai seseorang semestinya tidak dapat lari dari memiliki sentimen-sentimen mulia sedemikian itu. Sesungguhnya, seluruh sumber-sumber materialisme juga wasilah dan penikmatannya tetap bergantung sepenuhnya kepada pemahaman dan kesungguhan manusia. Sumbangan teragung kemanusiaan telah berjaya menggantikan keganasan dan penyiksaan dengan cahaya-cahaya kebaikan, bertimbang rasa dan kemuliaan manusia. Baginda s. 'a.w telah berjuang sepanjang hidupnya memberi petunjuk dan menyebarkan ajaran-ajaran Islam yang mulia dan suci tanpa sedikit pun digerakkan oleh kepentingan diri untuk keseronokan hidup dan mengejar apa-apa kedudukan duniawi.

---

<sup>6</sup> J.H. Denison, *Emotion as The Basic of Civilisation*, (London: 1928), hlm. 265.

Ini disebabkan bangkitnya seseorang insan yang baik dan mulia dari kalangan mereka yang tidak bertamadun bahkan sentiasa berada dalam keadaan kucar-kacir dan tidak menentu. Lelaki ini telah menawar dan memimpin satu bentuk penghidupan yang indah dan baik dan sekaligus mengisytiharkan permulaan satu era baru dalam sejarah kemuliaan dan suntikan semangat. Dialah yang telah menanam dan membudayakan sifat berlemah-lembut (*gentleness*) dan kebaikan di kalangan mereka yang berada di sekitarnya. Dunia telah memperolehi satu kelelasan tulin penghidupan, keadilan dan kesaksamaan yang menjadi lambangnya yang terus menerus. Orang-orang yang lemah sudah berani tampil menuntut hak-hak mereka dari kalangan yang berkuasa dan kuat, rahmat kebaikan telah menjadi perkara biasa setelah manusia kembali menjadi manusia yang sebenarnya, menjadi kuasa penentu haluan dan sekaligus membentuk satu integrasi kepercayaan yang bertenaga dan keyakinan yang hebat di mana akhirnya mampu menawan hati manusia. Mereka mula merasa bangga dengan keikhlasan dan kejujuran sementara perlakuan yang bermartabat tinggi sudah terbina menjadi lumrah dan biasa kepada sekalian orang.

Di sini kami perturunkan dengan serba ringkas hadiah-hadiah berharga yang telah disumbangkan oleh Islam di mana ia telah menjana kemajuan dan penonjolan nilai-nilai kemanusiaan dan budaya. Dunia baru yang bersinar-sinar ini adalah satu rekod sumbangan besar daripada Islam:

- 1) Kepercayaan kepada keesaan Allah yang jelas dan tiada langsung kesamaran.
- 2) Konsep persamaan dan persahabatan di kalangan manusia.
- 3) Konsep memuliakan manusia dan kewujudannya sebagai satu kejadian istimewa diciptakan Allah.
- 4) Memperakukan status yang sewajarnya kepada wanita dan sekaligus mengembalikan hak mereka yang sah.
- 5) Menolak ketidakadilan dan menyuntik minda manusia dengan pengharapan dan keyakinan.
- 6) Merintis penggabungan di antara sekular dan agama dan menolak sebarang permusuhan dan pertentangan di antara kedua-duanya.
- 7) Mengintegrasikan agama dan ilmu serta merestui saling bergantung di antara satu sama lain, dan menekankan penghormatan terhadap ilmu sebagai satu-satunya cara untuk mendekati Allah.
- 8) Menekankan penggunaan akal secara bijaksana dalam perkara-perkara agama dan kerohanian (*spirituality*), dan menggalakkan pengkajian dan pemerhatian (*contemplation*) fenomena sejagat.
- 9) Mempertanggungjawabkan umat Islam dalam menyampai serta

menyebarkan kebaikan dan kelebihan ke seluruh penjuru dunia. Umat Islam mempunyai tugas yang berterusan untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

10) Pembentukan akidah dan budaya yang bersifat universal.

Saya tidaklah bermaksud untuk mengulas sepuluh perkara tersebut dengan panjang lebar. Sebaliknya saya ingin mengemukakan beberapa orang tokoh dan penulis Barat yang didapati mengalu-alukan kelebihan-kelebihan Islam. Salah satu asas-asas budaya dan tamadun - sesuatu yang menawarkan kehalusan budi, keluhuran dan ketamadunan dalam perlakuan dan sastera - ialah penerimaan kebenaran dengan menghargai kemajuan besar yang dicapai pihak-pihak lain dan sekaligus berterima kasih kepada mereka yang telah menyumbang kepada kita. Seandainya kita meminggirkan pendirian yang mulia ini dari kehidupan kita, maka sastera, tahap etika serta kreativiti akal bahkan kebebasan mengeluarkan pandangan pun semacam menjadi lesu dan tidak bermaya. Ini akan membuatkan dunia tidak ada makna lagi untuk hidup dan diperjuangkan dalam hidup. Dunia akan menjadi rimba haiwan dan pentas kerakusan hawa nafsu yang menguasai segala-galanya, hidup hanya untuk memuaskan nafsu semata-mata. Perasaan yang ada tidak lebih untuk memenuhi selera makan minum dan nafsu serakah. Hubungan-hubungan baik, guru dengan pelajar, pembantu dan orang yang dibantu, doktor dengan pesakit, bahkan bapa dengan anak-anak akan terhakis dan hilang rahsia dan fungsinya.

Bersyukur - seperti yang ditakrifkan William H. Davidson, seorang penyumbang kepada *Ensiklopedia Agama dan Etnik* - adalah satu perasaan semulajadi yang terhasil secara spontan digerakkan oleh kebaikan dan faedah yang dianjurkan seseorang. Ia satu kelebihan yang dimiliki manusia secara universal. Davidson berkata lagi, sikap berterima kasih itu ditakrifkan sebagai satu perasaan kasih terhadap orang yang menaburkan kebaikan kepada kita, suatu perasaan tulin terhadap faedah yang terlalu besar yang diperolehinya.<sup>7</sup> Berterima kasih adalah satu respon yang ikhlas dan menggembirakan terhadap sesuatu kebaikan - ia sesuatu yang berbahagia, tidak disuruh dan dipaksa, satu manifestasi dari tabi'i manusia yang sememangnya mudah dilanda kekecewaan dan putus asa. Saling pengaruh mempengaruhi dan perpaduan di kalangan manusia adalah menjadi asas kepada pembentukan tabi'i manusia itu. Sementara permusuhan dan tidak meredai adalah sesuatu yang bukan perkara biasa bahkan sesuatu yang buruk.<sup>8</sup>

Sebaliknya sikap tidak tahu berterima kasih (*ingratitude*) adalah jelas sebagai kejatutan moral dan penyimpangan dari landasan tabi'i semulajadi manusia. Ini

---

<sup>7</sup> Thomes Brour, *op cit.*, ixiii

<sup>8</sup> *Encyclopedia of Religion and Ethics*, (Edinburgh: 1913), Vol. 6, hlm. 391.

sekaligus menandakan kepupusan perasaan kemanusiaan. Tahap paling rendah dalam sikap tidak bermoral ini ialah tidak tahu berterima kasih kepada pengasas-pengasas agama (*founders of religion*), para guru-guru moral dan para penyumbang terbesar kemuliaan. Memuji dan mempertahankan secara keterlaluan tidak dapat diterima oleh sesiapa pun. Biar di sini dikemukakan tokoh-tokoh kerohanian dan bermaruah yang telah mengasaskan agama-agama.

Sekarang kita boleh lihat beberapa kenyataan berupa sanjungan kepada penyumbang terbesar kemanusiaan oleh beberapa tokoh terkenal di dunia Barat ini. Di antara mereka ialah Lamartine dari Perancis yang mengeluarkan kenyataan berikut sebagai penghormatan (*tribute*) beliau kepada kepandaian Muhammad, salam dan selamat ke atas Baginda s. 'a.w:

“Jika tujuannya cukup besar, wasilah yang diguna cukup kerdil sedang kejayaan-kejayaan cemerlang dicapai, yang kesemuanya ini merupakan tiga karektor dimiliki seorang tokoh yang bijaksana, maka siapa lagi yang berani tampil membandingkan mana-mana tokoh besar dalam sejarah moden ini dengan Muhammad s. 'a.w? Orang yang paling terkenal pun hanya mampu mencipta senjata-senjata, undang-undang dan empayar-empayar yang tidak lebih dari entiti-entiti yang bersifat kuasa-kuasa kebendaan (*material powers*) yang kadang-kadang terlepas dan hilang dari tangan-tangan mereka sendiri pada akhirnya. Tetapi lelaki ini bukan hanya menundukkan tentera-tentera, undang-undang (*legislations*), empayar-empayar umat dan dinasti-dinasti tetapi berjaya menguasai 1/3 dari penduduk-penduduk dunia bahkan lebih dari itu, Baginda s. 'a.w mampu menghapuskan kuasa-kuasa zalim, tuhan-tuhan, agama-agama, idea-idea, akidah-akidah dan roh-roh palsu.”

Berasaskan sebuah kitab (al-Quran) di mana setiap ayat yang termaktub di dalamnya telah menjadi undang-undang, Baginda s. 'a.w telah memperkenalkan kewarganegaraan roh (*spiritual nationality*) yang merangkumkan semua bahasa dan bangsa menjadi satu. Baginda telah meninggalkan kepada kita satu mekanisme kewarganegaraan Islam, kebencian terhadap tuhan-tuhan palsu, semangat patriotik yang berterusan menentang penodaan Syariat langit telah membentuk satu kelebihan pengikut-pengikut Muhammad, betapa 1/3 dunia ditawan oleh akidah yang dibawanya merupakan satu mukjizat besar baginda s. 'a.w, atau bukan hanya sekadar mukjizat seorang lelaki namun kelojikan yang mengiringi risalah yang dibawanya. Idea ketauhidan Allah, yang diisytiharkan di tengah-tengah suasana memuncaknya khurafat mencari-cari Tuhan merupakan satu mukjizat yang terhembur keluar daripada lidahnya. Betapa tidak? Ia mampu memusnahkan segala berhala-berhala silam dan patung-patung sembahsan serta sekaligus mampu menyinarkan cahayanya kepada satu

pertiga dunia.<sup>9</sup>

Pengarang terkenal, *A History of The Intellectual Development of Europe* (Sejarah Perkembangan Intelektual Eropah) menulis:

Empat tahun selepas kematian Justinion, pada tahun 569 Masehi, lahirlah di Makkah di negeri Arab seorang lelaki yang paling agung, yang telah berjaya mempengaruhi bangsa manusia.<sup>10</sup>

Draper menambah lagi:

Muhammad memiliki kombinasi karektor yang berkali-kali menentukan nasib empayar-empayar.... menekankan kebenaran yang berterusan, Baginda tidak hanya bermetafizika tetapi menawarkan pembaikan keadaan sosial orang ramai berpandukan peraturan-peraturan yang menganjurkan kepada seseorang yang bersih, sederhana, berpuasa, dan solat.<sup>11</sup>

Seorang sejarawan falsafah abad ini, A.J. Toynbee merakamkan:

Penghapusan semangat bangsa-bangsa di kalangan umat Islam adalah merupakan satu kejayaan cemerlang Islam. Dan di dalam dunia kontemporari sekarang ini, seperti yang dilihat keperluan kepada mengwar-warkan kelebihan Islam itu sangatlah mendesak.<sup>12</sup>

Agak ganjil juga betapa selepas 100 tahun, tampil Thomas Carlyle memilih Muhammad s. 'a.w sebagai pahlawan ulung (*supreme hero*) sementara sekarang ini menjelang dekad-dekad kurun ke 21, Michael H. Hart dari Amerika Syarikat telah menyediakan satu senarai tokoh-tokoh paling berpengaruh di dalam sejarah di mana Nabi Muhammad s. 'a.w diletak sebagai tokoh yang menduduki tahap paling teratas di dalam senarai berkenaan.<sup>13</sup>

Nabi Muhammad s. 'a.w dan para pengikutnya telah memperjuangkan kebajikan kemanusiaan dan ini sesungguhnya telah memainkan peranan yang tidak boleh dilupakan khususnya dalam meningkat dan memajukan kebudayaan dan tamadun. Di

---

<sup>9</sup> Lamartine, *Histoire de la Turquie*, (Paris: 1854) Vol. 11, hlm. 276-277.

<sup>10</sup> John William Draper, *A History of the Intellectual Development of Europe*, (London: 1875), Vol. 1, hlm. 329.

<sup>11</sup> *Ibid.*, hlm. 330.

<sup>12</sup> A J Toynbee, *Civilization on Trial* (New York: 1948), hlm. 205.

<sup>13</sup> Michael H. Hart, *The 100 - A Ranking of the Most Influential Persons in History*, (New York: 1978).



sini kami hanya akan menyebut dua contoh yang disokong bukti sejarah.

Pelajar-pelajar sejarah tentu sedar bahawa tamadun dunia di kurun 13 didominasi oleh dua agama terbesar iaitu Kristian dan Islam. Kedua-dua tamadun agung ini tiba-tiba dihadapkan dengan satu keadaan yang mengancam, dengan menampakkan keserlahan tanda-tanda kehancuran yang akan berlaku, kedua-dua empayar agung ini, kesenian, dan ilmu-ilmu kebudayaan dan moral yang dimiliki mereka, di mana secara ringkasnya, kesemua bangsa telah berusaha dengan kuat mencapainya sepanjang beratus-ratus tahun dahulu.

Kemusnahan yang berlaku itu telah membaham segala pencapaian manusia dan sekaligus mendorong mereka melakukan keganasan (barbarisme). Ianya diberikan laluan oleh kebangkitan mengejut Genghis Khan (Tamuchin), ketua suku kaum Mongol yang sesungguhnya memiliki kualiti kepimpinan yang cukup tinggi dan sekaligus mampu mempengaruhi dan menguasai keadaan. Dalam tahun 616H/1219M, Genghis Khan beralih ke arah menghadapi negara-negara yang bertamadun, di Timur dan Barat, mendendami mereka lalu menyerang dengan peluru dan pedang. Betapa dahsyatnya serangan Mongol ini terhadap pembangunan sosial dan pembelajaran, seni dan kemahiran serta seluruh pembangunan industri di negara-negara maju berkenaan. Pukulan Mongol ini dapat dilihat melalui kenyataan-kenyataan grafik yang berlumuran dengan keganasan dan penyembelihan yang tiada terperi. Harold Lamb, penulis biografi Genghis Khan memberikan gambarannya seperti berikut:

....Bandar-bandar di bawah jajahan takluknya sering dimusnahkan, sungai-sungai berjaya dilencungkan dari muara-muaranya, padang-padang pasir bertukar menjadi tempat-tempat pelarian yang hanya dihuni orang-orang yang melarat dan menderita yang menunggu direntapi maut. Semuanya akan terkorban dengan ketibaannya. Hanya tinggal serigala, gagak-gagak dan helang-helang berpesta ria menjamu selera masing-masing.<sup>14</sup>

Maka, ketakutan telah mencengkam sekalian warga Kristian (*Christendom*), satu generasi selepas kematian Genghis Khan, apabila segerombolan tentera-tentera berkuda Mongol sedang merayau-rayau di rantau barat Eropah, sementara Boleslas Poland dan Bela Hungary terus melarikan diri dari kawasan-kawasan yang menjadi padang jarak padang terkukur itu. Henry, Duke of Teutonic Knight di Leignitz<sup>15</sup> yang bersama-sama berkongsi nasib dengan M. Grand Duke Goerge turut melarikan diri

<sup>14</sup> Harold Lamb, *Genghis Khan*, (London: 1928), hlm. 11-12.

<sup>15</sup> Sekarang dikenali sebagai Legnica, sebuah bandar terletak berdekatan dengan Wroclaw Poland bersempadan dengan Jerman Timur.

masing-masing dari Russia.<sup>16</sup>

Fakta-fakta yang lebih terperinci sangat mengerikan (*too horrible*) untuk disebut pada hari ini. Ia satu peristiwa peperangan yang sungguh dahsyat dan mengerikan - ia hampir menyamai peperangan terakhir Eropah, satu peperangan yang tidak lebih daripada peristiwa penyembelihan manusia tanpa sebab, bukan kerana kemarahan, hanya untuk menamatkan riwayat hidup seseorang.<sup>17</sup> Mengambil kira keberanian seseorang, mereka tentu berkemampuan menguasai dataran padang pasir yang luas saujana mata memandang, melepasi segala rintangan dan halangan sama ada di lereng-lereng bukit bukau yang bersimpang siur mahupun lautan samudera yang luas tidak bertepi, mereka mampu menghadapi segala bentuk cuaca Eropah, yang bersangatan yang mampu menghadapi tekanan-tekanan kemiskinan dan serangan penyakit-penyakit. Tidak ada bahaya yang boleh mengganggu-gugat mereka, tidak ada kubu yang boleh bertahan apabila menyerang mereka, tidak ada doa untuk mendapatkan kasihan belas dari mereka dan sebarang permintaan tidak akan dilayan sama sekali.<sup>18</sup>

Sebahagian besar pencapaian beliau telah dirakamkan oleh musuh-musuhnya. Impak beliau sungguh buruk terhadap tamadun kemanusiaan seluruhnya seolah-olah kehidupan separuh dunia baru bermula. Empayar-empayar Cathay pimpinan Prester John, Black Cathay Kharesm, dan - selepas kematiannya - Khalifah Baghdad, dan Russia buat seketika pemimpin-pemimpin utama Poland mula merosot. Apabila sahaja tentera Barbar yang gagah perkasa ini menawan satu bangsa maka segala peperangan lain akan berhenti serta merta. Sekaligus seluruh perkembangan sama ada dari kaca mata mereka yang dizalimi atau sebaliknya turut berubah. Setiap penaklukan yang dilakukan oleh kaum Mongol ini meninggalkan pelbagai kesan dan antaranya ialah kedamaian (*peace*) yang mampu berkekalan buat masa yang agak panjang.<sup>19</sup>

Harold Lamb secara jujur mengatakan bahawa impak dari Mongol yang dibawa oleh Genghis Khan dapat dilihat secara tepat melalui gambaran yang dilakarkan oleh pengarang-pengarang *The Cambridge Medieval History* seperti berikut:

Kuasa baru dalam sejarah ini - kemampuan seorang lelaki mengubah manusia bermula dengan kemunculan Genghis Khan dan berakhir dengan cucunya Kublai, bila mana Empayar Moghol berakhir. Semenjak itu empayar ini tidak muncul lagi.<sup>20</sup>

---

<sup>16</sup> Lamb, *op. cit.*, hlm. 12.

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 166.

<sup>18</sup> *Ibid.*, hlm. 210.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 206.

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 210.

Keganasan-keganasan (*atrocities*) empayar Mongol tidak hanya diperlakukan terhadap Turkistan, Iran dan Iraq semata-mata. Keganasan-keganasan seumpama itu telah menimbulkan suasana-suasana kegerunan dan ketakutan yang mencengkam di mana-mana penjuru dunia asalkan sahaja dapat dirasakan bahawa mereka (Mongols) dapat sampai ke tempat itu dengan membawa senjata-senjata mereka.

Edward Gibbon menulis di dalam bukunya yang berjudul *The Decline and Fall of the Rome Empire (Sejarah Kemelesetan dan Kejatuhan Empayar Rom)*, katanya:

Dunia Latin telah berjerebu dengan tindakan menolong keganasan dan permusuhan, seorang pelarian Rusia menanggung senjata menuju ke Sweden; maka seluruh bangsa-bangsa penghuni di Baltic, satu rantau berdekatan mula menggeletar ketakutan menantikan kedatangan tentera-tentera Tartar. Ketakutan dan kebodohan mereka adalah terlalu luar biasa seolah-olah mereka bukan lagi spesies manusia atau haiwan yang berakal.<sup>21</sup>

Tentera-tentera Mongol terlebih dahulu menyerang Bukhara dan terus membakarnya. Tidak ada seorang pun manusia yang dibiarkan hidup bernafas. Selepas itu Samarkand pula menjadi sasaran, bandar ini dimusnahkan dan seluruh penduduk kota ini dibelasah sehingga mati. Nasib yang sama dihadapi kemudiannya oleh kawasan-kawasan luar bandar yang lain yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada dunia Islam. Para penyerang Tartar ini barangkali akan memusnahkan seluruh warga Kristian (kemudian memecah-belahkan mereka berasaskan kepentingan politik dan mengalami penyakit sosial yang serius, telah disebut sebelum ini) seperti yang dirakamkan oleh H.G. Wells):

Kehebatan Nabi mencipta sejarah dunia di awal kurun ke-7 telah membuktikan dengan jelas bahawa ianya tidak lebih sebagai satu peristiwa yang berlaku hanya beberapa kurun sebelum rantau Eropah dan Asia jatuh ke tangan pegganas Mongol.<sup>22</sup>

Harold Lamb juga menulis:

Kita hanya mengetahui bahawa tentera-tentera Jerman dan Poland telah tersungkur sebelum Mongol bertapak dan mereka seluruhnya hampir-hampir binasa; Henry dan baron-baronnya terkorban kepada seorang lelaki sebagaimana yang dilakukan oleh para jururawat... Kira-kira tidak sampai dua bulan selepas mereka mengambil alih

---

<sup>21</sup> Edward Gobbon, *The Decline and Fall of the Roman Empire*, (New York: t.t.), Vol. 3, hlm. 634.

<sup>22</sup> H.G. Wells, *op. cit.*, hlm. 144.

Eropah dari pemerintah Temzan Elbe. Mereka berjaya menewaskan ketiga-tiga armada tentera dan berbelas-belas kumpulan kecil tentera-tentera lain setelah merampas bandar-bandar lain kecuali Olmutz.<sup>23</sup>

Tetapi satu kejutan mukjizat telah berjaya mengubah catatan sejarah. Ini bukan sahaja membenarkan dunia yang bertamadun berpeluang menikmati kelegaaan, tetapi lebih dari itu satu bentuk tamadun dan budaya baru dapat dibina dengan lancar dan licin. Hati nurani orang-orang Mongol yang keras dan pantang menyerah kalah itu rupa-rupanya boleh bertukar menjadi lembut dan longgar, justeru bersimpati dengan nasib rakyat mereka yang telah kehilangan segala kuasa dan kelebihan. Di dalam bukunya *The Preaching of Islam*, Arnold menulis,:

Meskipun pelbagai kesulitan dihadapi, namun orang-orang Mongol dan para suku kaum yang ganas yang menumpang kekuatan mereka turut terbawa-bawa dengan arus menyertai akidah umat Islam, umat yang pernah selama ini tersungkur dan tertewas di tangan mereka.<sup>24</sup>

Hanya beberapa nama sahaja dari pejuang-pejuang Islam yang berjaya mengislamkan puak-puak Tartar yang ganas itu, dapat dikenali dunia pada hari ini, tetapi pergerakan mereka yang hebat dan pencapaian cemerlang mereka tidak kurang dapat dianggap sebagai satu gerakan pembaharuan yang berjaya dan agung. Sumbangan mereka perlu dikenang selalu sama ada oleh umat Islam mahu pun Kristian bahkan manusia seluruhnya justeru merekalah yang menyelamatkan dari keganasan Barbarisme yang dilakukan oleh satu suku kaum yang amat kejam ini dan sekaligus dari ditelan suasana tidak selamat yang dirasai di mana-mana ruang dunia yang didiami insan. Mereka juga memberi laluan kepada usaha-usaha mengujudkan kestabilan sosial dan politik. Pemulihan keselamatan yang terhasil itu menawarkan kepada dunia kesempatan merintis perjalanan mempromosikan pembangunan kebudayaan, kemajuan sastera, dan kesenian, pembelajaran dan pengajaran, peribadatan dan penulisan.

Selepas kematian Genghis Khan, kawasan-kawasan terbesar dalam jajahan takluknya dibahagikan kepada empat daerah yang diketuai oleh cucu-cucunya. Lantas, mesej Islam mula beredar dan tersebar di seluruh empat kawasan tersebut yang dikuasai oleh orang-orang Mongol yang baru sahaja memeluk agama Islam.<sup>25</sup>

---

<sup>23</sup> Harold Lamb, *op. cit.*, hlm. 231 dan hlm. 234.

<sup>24</sup> T.W. Arnold, *The Preaching of Islam* (London: 1935), hlm. 227.

<sup>25</sup> Untuk keterangan lanjut lihat "Tartars - The Scourge of God" di dalam buku: *Saviours of Islamic Spirit* (Lucknow: 1983), Vol. 1, hlm. 277-311. T.W. Arnold, *The Preaching of Islam* juga ada menerangkan dengan panjang lebar tentang pengislaman kaum Mongol.

Kaum Tartar bukan sahaja sekadar memeluk Islam tetapi dari kalangan mereka juga lahirnya sebahagian besar golongan intelek, penulis, ahli syair, ahli sufi, dan pejuang-pejuang kejudaan Allah. Dengan menganut Islam, persepsi, pandangan dan kecenderungan mereka turut berubah dengan hebatnya. Sikap mereka terhadap manusia dan tamadun kembali pulih dengan sepenuhnya dan ini sangat memanfaatkan bukan sahaja kepada Dunia Timur Islam tetapi kepada dunia Kristian dan termasuk juga kepada benua India. Kaum Tartar ini sebenarnya telah melakukan sembilan atau sepuluh percubaan untuk menawan India dalam kurun ke-13 tetapi berjaya ditumpas oleh Sultan-sultan berketurunan Turki, antara mereka ialah Alauddin Khilji (m. 716/1316) dan Panglima Tentera Giyathuddin Tughluq (m. 725/1324), dua tokoh terkemuka yang tidak asing lagi. Kejayaan mereka itu memungkinkan kesinambungan warisan-warisan budaya dan intelektual dari negeri yang makmur dan bersejarah bahkan ia sekaligus dapat diselamatkan dari kemusnahan dan kerosakan. Bahkan kedua-dua agama terbesar iaitu Islam dan Hindu terus wujud dan berkembang di sana.

Pencapaian Islam sedemikian rupa adalah hasil dari peralihan watak kaum Tartar sehingga mampu bertukar menjadi umat yang bertamadun dan ini sekaligus berperanan menawarkan jalinan khidmat demi pertahanan sejagat untuk kebaikan manusia secara umum dan khususnya kepada Barat itu sendiri. Sumbangan lain dari Islam, selain dari apa yang disebut penulis ialah memperkenalkan metod pemikiran dan pembelajaran. Ianya bagaikan satu lampu bercahaya yang menerangi tahun-tahun gelap Eropah dan sekaligus memberi laluan kepada kebangkitan atau *Renaissance*. Ini bukan sahaja mengubah wajah Eropah tetapi membantu warga dunia menikmati hasil penyelidikan-penyelidikan dan penemuan-penemuan terkini dalam era baru ilmu-ilmu empirikal yang sesungguhnya telah berkembang subur sehingga mampu mengubah wajah dunia seluruhnya. Ilmu-ilmu akal warisan silam (mengandungi falsafah, matematik, dan perubatan) sebenarnya telah mendapat laluan berkembang ke Eropah melalui orang-orang Islam Sepanyol (*Muslim Spain*). Cenderamata akal ini (*intellectual gift*) adalah merangkumi kaedah-kaedah pemerhatian (*observation*) dan percubaan (*experiment*) serta ilmu-ilmu mantiq induktif (*inductive logic*) yang menggantikan mantiq deduktif yang berkembang selama ini. Pembaharuan ini telah berjaya mengubah cara berfikir orang-orang Eropah secara total. Ilmu-ilmu sains dan teknologi merupakan buah-buah yang terhasil daripada cara baru berfikir. Segala penemuan yang dihasilkan penerokaan saintifik Eropah secara ringkasnya, dalam apa bentuk kejayaan sekalipun yang dicapai selama ini dalam mengeksploitasi segala infrastruktur alam, adalah tetap mempunyai hubungan secara langsung dengan ketaakulan rasional yang bersifat induktif (*inductive reasoning*) dan ini tentu tidak diketahui sama sekali kecuali melalui orang-orang Islam Sepanyol.

---

<sup>26</sup> Diterjemahkan daripada bahasa Urdu, *G Le Bon's La Civilization des Arabes Tamaddun -i-Arab* oleh Syed Ali Bilgrami (Lucknow: 1985), hlm. 400.

Seorang tokoh sejarawan Perancis, Gustave le Bon, telah merakamkan sumbangan orang-orang Arab terhadap Eropah moden seperti berikut:

Pemerhatian (*observation*), percubaan (*experimentation*) dan mantiq induktif (*inductive logic*) yang telah membentuk prinsip-prinsip asas pengetahuan moden meskipun ia diasaskan oleh Roger Bacon tetapi satu fakta yang harus diakui bahawa proses-proses ketaakulan ini seluruhnya merupakan penemuan orang-orang Arab.<sup>26</sup>

Robert Briffault juga mengemukakan satu rumusan yang sama:

Tidak ada satu aspek pun dalam kemajuan Eropah yang boleh menafikan jalinan hubungannya dengan pengaruh tamadun Islam yang amat jelas.<sup>27</sup>

Tokoh ini seterusnya berkata:

Bukanlah sains (ilmu) itu suatu faktor yang tunggal yang menjana keceriaan semula Eropah. Lain-lain faktor turut terlibat dan pengaruh-pengaruh yang bercampur-aduk dengan tamadun Islam sebenarnya yang menyinari cahaya ke dalam sektor penghidupan Eropah.<sup>28</sup>

Sesiapa yang mengkaji sejarah Gereja Katolik dan pergerakan reformasi akan mendapati kesan-kesan sebenar ajaran Islam terhadap minda para pejuang yang mendukung pergerakan demikian dalam agama Kristian khususnya Martin Luther sendiri (1483-1546) selaku pengasas pergerakan reformasi berkenaan. Penentangan terhadap pimpinan otokratik yang menguasai gereja-gereja Katolik pada zaman pertengahan Eropah dengan jelas memperlihatkan cetusan-cetusan dari pengaruh Islam yang meluas dan ia terpercik tanpa mengenali mana-mana gereja.

Adalah menjadi kewajipan dan tugas moral kita menghargai kedua-dua nikmat yang diberikan Islam itu dan kedua-dua ini sungguh signifikan kepada dunia seluruhnya. Apabila kita menerima realiti ini dan melihat orang yang memberi laluan kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai maka kita harus sekurang-kurangnya memperakukan beberapa kaedah atau prinsip-prinsip penghormatan yang telah diterima oleh kesemua bangsa dan umat manusia yang berilmu serta mazhab-mazhab pemikiran. Kita tidak harus menolak norma-norma mulia, berdaya maju dan menerima pembaharuan, kemuliaan dan amanah yang turut mendapat sokongan dan galakan

---

<sup>27</sup> Briffault, *op. cit.*, hlm. 190.

<sup>28</sup> *Ibid.*, hlm. 202.

<sup>29</sup> Isaiiah Berlin dalam *Modern Political Concepts* (ed.) William Ebenstein (Delhi: 1974), hlm. 187-188.

daripada seluruh ajaran-ajaran agama, teori-teori akhlak dan moral serta para penulis agong dan pengkritik. Adalah satu perilaku yang bertamadun (*civilized behaviour*), hubungan-hubungan di kalangan yang berlainan agama ini perlu diharmoniskan demi kebaikan penghuni masyarakat setempat, bahkan perilaku sedemikian sahaja yang memungkinkan wujudnya dialog yang baik di kalangan masyarakat yang mempunyai pandangan-pandangan yang berbeza-beza ini. Tanpa dialog ini tentu tulisan-tulisan, kritikan-kritikan dan pandangan-pandangan akan dilakarkan melalui novel-novel yang sensasi, yang berwatak lucu dan kasar (*vulgar*) serta adegan-adegan yang melampau (*outrageous parodies*). Tulisan-tulisan seumpama ini bukan sahaja menganjurkan sikap-sikap negatif dan merosakkan dalam ertikata penghinaan dan kemudaratan karier intelektual itu sendiri tetapi lebih dari itu ia boleh menggerhanakan hubungan-hubungan di kalangan pelbagai bangsa dan negara.

Satu argumentasi bahawa sebarang sekatan yang cuba dilakukan terhadap kebebasan mengeluarkan apa-apa pandangan akan mencetuskan paksaan dan menyekat kebebasan individu (*personal freedom*) atau campurtangan dalam hak-hak individu di bawah perlembagaan di mana-mana negara yang merdeka, sebenarnya boleh dipertikaikan. Kenyataan-kenyataan yang berupa serangan dan kecaman terhadap para penyelamat manusia (*benefactors of mankind*), nabi-nabi dan para reformis, lebih-lebih lagi penceritaan ini yang bersifat menentang fakta-fakta sejarah, akan melukakan hati dan perasaan berjuta-juta orang yang menghormati dan menyanjung tinggi mereka dan sekaligus mencetuskan ketidakhormatan hubungan di kalangan pelbagai golongan dalam sesebuah negara, bahkan mungkin di kalangan negara-negara. Penodaan atau pencemaran nilai-nilai moral adalah sesuatu yang tidak boleh dimaafkan samasekali bahkan merupakan satu kesalahan terhadap kemanusiaan sejagat. Ini seharusnya tidak dipinggirkan oleh mana-mana bangsa yang cintakan keamanan (*peace-loving nation*) dan bangsa yang mendukung "nilai-nilai hidup bersama secara harmonis" (*harmonious co-existence*) di kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik kaum dan agama. Ahli-ahli fikir politik Barat tentu tidak akur kepada penafian hak kebebasan bersuara. Mereka telah sekian lama berdebat bahawa kebebasan yang tidak terhad (*unlimited liberty*) akan lebih mudarat dari batas-batas yang diletakkan terhadap kebebasan mengeluarkan pandangan (*freedom of expression*). Subjek ini boleh dibincang dengan panjang lebar tetapi saya di sini sekadar ingin menyebut dua contoh pihak berkuasa yang menerangkan kenapa sekatan-sekatan kebebasan untuk mengeluarkan pendapat terpaksa juga dikenakan demi memelihara kepentingan awam.

Isaiah Berlin menerangkan dua konsep pembebasan (*liberty*) seperti berikut:

Untuk menentang undang-undang yang mengenakan penapisan (*censorship*) atau menetapkan moral-moral peribadi sebagai campurtangan yang tidak boleh dimaafkan terhadap kebebasan

seseorang, memerlukan terlebih dahulu satu kepercayaan bahawa aktiviti-aktiviti yang dilarang undang-undang berkenaan adalah merupakan keperluan fundamental seseorang sebagai manusia yang hidup dalam mana-mana masyarakat yang baik. Mempertahankan undang-undang berkenaan sebenarnya bermakna mendukung kefahaman bahawa keperluan-keperluan tersebut sebagai tidak mustahak, atau bahawa mereka tidak boleh berpuas hati tanpa mengorbankan nilai-nilai lain yang lebih berharga - memenuhi keperluan-keperluan yang lebih mendalam - daripada kebebasan individu yang ditetapkan piawai tertentu yang tidak hanya bersifat subjektif. Standard ini sebenarnya menjadi tuntutan status objektif - pada prinsip atau satu keutamaan. Ruang lingkup atau batas sempadan dalam kebebasan seseorang atau golongan dalam memilih kehidupan yang diinginkan sebenarnya perlu dipertimbangkan demi tidak memudarat dan menjejaskan nilai-nilai lain seperti persamaan (*equality*), atau keadilan (*justice*) atau kebahagiaan (*happiness*), atau keselamatan (*security*), atau ketenteraman awam. Dan ini barangkali merupakan contoh-contoh yang jelas di mana sekaligus melunaskan kebebasan perlu dihadkan.<sup>29</sup>

Satu ucapan tentang kebebasan mengeluarkan pendapat telah disampaikan oleh Blackstone di dalam Senat Amerika pada tahun 1897 telah sekaligus menjadi asas kepada pembinaan undang-undang Amerika yang dikenakan ke atas rakyatnya:

Setiap orang yang bebas mempunyai hak dalam undang-undang untuk melahirkan apa-apa sentimen yang dimilikinya di hadapan orang ramai; menghalang kebebasan ini adalah bermakna merosakkan kebebasan akhbar: tetapi jika seseorang itu menyiarkan apa yang tidak patut, pembohongan atau kesalahan, maka dia harus bertanggungjawab menanggung implikasi daripada perbuatannya itu. Menghadkan kebebasan akhbar supaya menurut selera pemerintah (pemberi lesen)... adalah sebenarnya meletakkan seluruh kebebasan sentimen ke dalam kepungan prejudis seorang manusia yang kemudiannya akan menjadi hakim yang berkuasa mutlak yang kononnya tidak pernah salah dan silap dalam menghadapi segala isu yang kontroversi tentang pendidikan, agama dan kerajaannya sendiri. Tetapi mengambil tindakan... terhadap sebarang tulisan yang dikira bahaya dan bersifat menyerang (*offensive writing*), apabila disiar dan

---

<sup>29</sup> Isaiah Berlin dalam *Modern Political Concepts* (ed.) William Ebenstein (Delhi: 1974), hlm. 187-188.



diedarkan, perlulah adil dan perbicaraannya perlulah menyeluruh dipandu oleh tendensi mahukan keadilan, sangat penting demi memelihara keamanan dan perjalanan peraturan seperti yang dikehendaki oleh kerajaan dan agama, selaku satu-satunya asas-asas yang jitu untuk kebebasan awam (*civil liberty*). Justeru itu, kemahuan setiap individu masih dibiarkan bebas; cuma penyalahgunaan kebebasan sahaja yang wajar mengundang tindakan undang-undang (*legal punishment*).<sup>30</sup>

Saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan mendeklamasikan sebuah syair yang dihasilkan oleh Dr Muhammad Iqbal, seorang tokoh penyair Timur yang tidak asing lagi kepada kita di dunia Islam. Beliau melakarkan betapa besarnya pemberian (*favours*) Nabi Muhammad s. 'a.w kepada sekalian manusia. Pemberian ini sangat unik dan tidak mempunyai tolok bandingnya.

Sentuhan dari ledakan roh seorang *ummi*  
lantas bumi Arab ditumbuhi kuntum-kuntum Tulip  
Mereka belum pernah mengenali kebebasan  
bangsa hari ini warisan dari yang silam  
Dia memasang hati dalam jasad seorang insan  
Dan dari mukanya lalu tabir disingkap  
Setiap tuhan warisan Dia musnahkan  
Setiap ranting mula berbunga keharumannya semerbak  
Bahang perang Badar dan H̄unain.masih membakar  
Haider dan Siddiq, F̄arūq dan H̄usein  
Di tengah lautan perang suara azan nyaring berkumandang  
Bacaan surah *as-Ṣāffāt* menggerakkan pedang  
Kehebatan Ayub dan kesufian Abū Yazīd  
Kunci kepada keluhuran dunia hari ini dan esok  
Zuhud hati dan minda mengatasi lambaian-lambaian dunia  
Sinaran hati al-Rūmi, keintelektualan al-Rāzī  
Ilmu dan bijaksana, akidah dan syariat, prinsip dan tatacara  
Anika mutiara berlonggok di lubuk hati-hati yang cergas  
Sejenak menjeling al-Hamra dan Taj Mahal yang mempesonakan

---

<sup>30</sup> Dipetik dari H M Seervai, *The Constitutional Law of India*, (Bombay: 1983), Jil. 1, hlm. 492.

Jurnal Usuluddin

Bukan hanya kita namun malaikat juga bangun dan hormat  
Ini semua, juga, sebuah gugusan hadiah yang tidak ternilai  
Pelbagai kehebatan terukir di sana sini  
Luarannya menawarkan pemandangan berseri-seri  
Dari dalamannya tentu tidak terkira lagi kehebatannya  
Pujian tidak terhingga buat Rasul yang diberkati  
Rasul memahati akidah membersihkan kotoran, habuk dan debu